

Bil. 10

Selasa

28 Julai 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Isu Kebajikan Pekerja Pembersihan di Hospital**
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* (Halaman 1)
- **Status Berkenaan Laporan Terakhir MA63 Task Force Tahun 2019**
- *YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)* (Halaman 3)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 28 Julai 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Kebajikan Pekerja Pembersihan di Hospital

2.34 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas kebajikan pekerja pembersihan di hospital kerajaan. Menjelang perang ke atas pandemik COVID-19, barisan hadapan *front liner* dengan izin, yang khususnya berkhidmat di hospital menghadapi tekanan dan beban kerja yang amat berat. Kebajikan dan hak bekerja mereka wajib dipentingkan.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa pekerja yang sudah lama bekerja sebagai pembersih di hospital tetapi tetap dianggap sebagai pekerja baru kerana kerap ditukar kontrak daripada syarikat ke syarikat. Ini menyebabkan gaji pekerja susah mendapat peningkatan. Minta Yang Berhormat Menteri menyatakan statistik pekerja pembersih mengikut kaum dan jantina.

Minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sepanjang 30 tahun kebelakangan ini, berapa syarikat telah diberi kontrak pembersihan serta berapa tahun dan peruntukan yang terlibat bagi setiap kontrak. Minta Yang Berhormat Menteri nyatakan juga jumlah berapa pekerja pembersih yang telah berkhidmat di bawah syarikat tersebut masing-masing serta rekod jumlah tahun bekerja bagi pekerja yang paling lama berkhidmat bagi sesuatu syarikat tertentu. Minta Yang Berhormat Menteri menyatakan juga gaji terkini dan tertinggi yang diterima antara pembersih yang berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, didapati juga kontrak pembersihan di subkontrak kepada syarikat lain. Minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa hubungan antara syarikat yang pernah dianugerahkan kontrak tersebut. Minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan juga hubungan syarikat antara NS Medik, Edgenta UEMS dan UEM Edgenta serta hubungan syarikat ini dengan Khazanah Nasional Berhad.

Minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana kebajikan serta gaji pekerja tidak dihadkan kenaikannya yang disebabkan oleh syarikat kontrak baru yang menganggap mereka sebagai pekerja baru. Adakah kerajaan mempertimbangkan supaya pekerjaan tersebut dikategorikan semula sebagai kakitangan kerajaan supaya kebajikan pekerja terjamin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan atau Timbalan Menteri Kesihatan untuk menjawab.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Sokongan Hospital atau PSH merupakan satu bentuk projek *outsourcing* dengan izin, untuk memastikan kelangsungan dalam pencapaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Terdapat enam skop dalam PSH iaitu;

- (i) Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS);
- (ii) Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS);
- (iii) Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS);
- (iv) Perkhidmatan Linen dan Pendobian (LLS);
- (v) Perkhidmatan Pengurusan Sisa Fasiliti Kesihatan (HWMS); dan
- (vi) Perkhidmatan Pembersihan (CLS).

Kerajaan telah menandatangani kontrak dengan sembilan syarikat untuk melaksanakan program PSH berdasarkan skop-skop yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, syarikat-syarikat yang terlibat boleh melantik subkontraktor untuk melaksanakan skop-skop tersebut. Pelantikan subkontraktor tersebut adalah berdasarkan *commercial*

arrangement dengan izin, yang dipersetujui di antara syarikat induk dan subkontraktor tersebut. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia memantau prestasi syarikat induk berdasarkan *Technical Requirement Key Performance Indicator* (TRKPI) yang ditetapkan oleh kerajaan. *Deduction* dengan izin, akan dikenakan sekiranya syarikat-syarikat induk tidak dapat memenuhi TRKPI yang telah ditetapkan.

Kerajaan secara keseluruhannya tidak terlibat dalam urusan pemilihan sub-kontraktor memandangkan kontrak yang ditandatangani adalah antara kerajaan dengan syarikat induk. Ini termasuklah penetapan gaji pekerja, bilangan pekerja, bilangan syif dan sebagainya.

Perkara-perkara tersebut ditentukan oleh syarikat induk dengan subkontraktor berdasarkan kepada keperluan di hospital ataupun institusi terbabit. Isu-isu yang melibatkan kebajikan pekerja seperti penamatan pekerjaan dan peningkatan gaji seharusnya dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk penelitian lanjut.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Status Berkenaan Laporan Terakhir MA63 Task Force Tahun 2016

2.39 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Kamar Khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 September 2019, Datuk Liew Vui Keong, Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri pada masa tersebut telah pun menyatakan bahawa laporan terakhir (*final report*) bagi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia (MA63) telah pun diserahkan kepada Perdana Menteri, Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah pada 31 Ogos 2019. Bolehkah laporan ini dikemukakan kepada rakyat?

■1440

Sejurus itu pada Disember 2019, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa tersebut menyatakan dalam Dewan Negara bahawa 17 perkara daripada 21 perkara telah mendapat persetujuan bersama dan baki empat lagi perkara masih dibincangkan secara tiga penjuru antara Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir

bin Mohamad; Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg; dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal.

Empat perkara ini termasuk isu royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum, mineral minyak dan medan minyak, Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) dan hak negeri ke atas pelantar benua. Persoalan pertama saya, apakah status perbincangan empat perkara ini?

Soalan kedua saya adalah apakah langkah-langkah susulan yang akan diambil bagi melaksanakan 17 perkara yang dipersetujui tersebut? Adakah Kerajaan PN akan membatalkan persetujuan kepada 17 perkara ini? Selain itu, apakah peranan JPM (Hal Ehwal Sabah Sarawak) dalam perkara ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

2.41 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Kamar Khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status dokumen Laporan Akhir Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia (MA63) adalah merupakan rahsia rasmi bertaraf "Rahsia". Penarafan ini adalah dibuat selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

Setakat ini kerajaan masih mengekalkan pendirian bahawa tiada keperluan untuk laporan akhir ini diedarkan kepada umum memandangkan isi kandungan dan perbincangan yang direkodkan adalah bersifat teknikal dan melibatkan perkara-perkara yang sensitif.

Oleh yang demikian, status dokumen ini kekal bertaraf rahsia rasmi dan perlu diberikan perlindungan sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Buat masa ini juga, status perbincangan berhubung empat perkara ini masih diteruskan, di mana kerajaan akan menyambung perbincangan mengenainya dalam majlis khas yang akan ditubuhkan dalam sedikit masa lagi. Selain itu, satu Jawatankuasa Bersama di Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga telah ditubuhkan bagi membincangkan mengenai

penyelesaian komersial berhubung minyak dan gas.

Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya bersama dengan Menteri Kewangan dan diurusetia oleh Kementerian Kewangan. Perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak masih lagi berlangsung manakala perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai perkara yang sama dijangka akan menyusul kemudian.

Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak Jabatan Perdana Menteri (BHES JPM) sedang memantau perkembangan pelaksanaan 17 perkara yang telah diputuskan oleh JKKMA63 daripada semasa ke semasa. Selain itu, BHES bertanggungjawab sebagai urus setia kepada majlis khas yang akan ditubuhkan oleh kerajaan bagi memantau serta membincangkan mengenai hala tuju selanjutnya berhubung semakan pelaksanaan MA63.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 29 Julai 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.44 petang]